



**SOALAN LAZIM (FAQ)  
PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)  
KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

---

FAQ ini adalah terpakai untuk **Sektor Pembuatan di bawah kawal selia Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)** selaras dengan **PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)**. Rujukan lengkap kepada teks pengumuman bagi PPN serta SOP berkaitan boleh dirujuk melalui laman sesawang [www.mkn.gov.my](http://www.mkn.gov.my)

**BAHAGIAN 1: SOALAN UMUM MENGENAI OPERASI AKTIVITI DAN PERGERAKAN PEKERJA SEKTOR PEMBUATAN**

**1. Apakah perkhidmatan perlu dalam sektor pembuatan yang dibenarkan beroperasi mengikut fasa di bawah PPN?**

Senarai perkhidmatan perlu dalam sektor pembuatan yang dibenarkan beroperasi mengikut kadar kapasiti tertentu pekerja berdasarkan fasa PPN adalah seperti di **LAMPIRAN I**.

**2. Bolehkah syarikat saya beroperasi 24 jam?**

Syarikat dalam **Sektor Pembuatan** boleh beroperasi seperti biasa seperti syarikat yang mempunyai penggiliran pengoperasian 24 jam **mengikut SOP yang telah ditetapkan**. SOP bagi sektor pembuatan boleh dimuat turun dari laman sesawang MITI di [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my) dan laman sesawang MKN di [www.mkn.gov.my](http://www.mkn.gov.my)

**3. Bolehkah saya menghantar barangan ke lokasi di kawasan PPN menggunakan kenderaan perdagangan milik syarikat?**

Boleh. Kenderaan perdagangan milik syarikat yang membawa barangan dan perkhidmatan dibenarkan bergerak/beroperasi menggunakan pas pekerja atau surat pengesahan majikan serta membawa bersama sesalinan surat kelulusan/kebenaran beroperasi daripada MITI.

**4. Bolehkah saya menghantar barangan ke lokasi di kawasan PPN menggunakan kenderaan perdagangan syarikat pihak ketiga?**

Boleh, dan syarikat pihak ketiga berkenaan perlulah mempunyai surat kelulusan kebenaran beroperasi daripada Kementerian Pengangkutan.

**5. Berapakah kapasiti bagi bilangan pekerja sektor pembuatan yang dibenarkan di dalam kenderaan bagi membawa dan mengedarkan barangan?**

Bilangan orang yang dibenarkan di dalam kenderaan bagi membawa barangan serta terlibat dalam rangkaian aktiviti ekonomi atau industri bergantung kepada lesen pendaftaran kenderaan perdagangan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Kementerian Pengangkutan.

**6. Adakah terdapat sekatan kapasiti kenderaan bagi pekerja sektor pembuatan yang menggunakan kenderaan syarikat (van dan bas syarikat)?**

Kapasiti penumpang bagi kenderaan pekerja adalah 50% untuk PPN Fasa 1 dan 2; dan 100% untuk PPN Fasa 3.

**7. Apakah kapasiti kehadiran pekerja bagi sektor pembuatan tanpa mengira kadar vaksinasi?**

**PPN FASA 1:** Kerajaan telah menetapkan **had kapasiti kehadiran pekerja sehingga 60%** bagi tempoh 24 jam beroperasi dan 40% pekerja lagi perlu melaksanakan amalan Bekerja Dari Rumah (BDR).

**PPN FASA 2 dan 3:** Kerajaan telah menetapkan **had kapasiti kehadiran pekerja sebanyak 80%** bagi tempoh 24 jam beroperasi dan 20% pekerja lagi perlu melaksanakan amalan Bekerja Dari Rumah (BDR).

**8. Adakah pekerja sektor pembuatan dibenarkan untuk merentas daerah/negeri untuk tujuan kerja/perniagaan?**

Ya, dibenarkan. Pekerja **WAJIB** membawa pas pekerja atau surat pengesahan majikan serta membawa bersama surat CIMS 3.0 MITI yang terkini.

Bagi memudahkan urusan pergerakan pekerja dan memastikan pergerakan tersebut adalah sah, terutamanya yang melibatkan pergerakan merentas daerah/negeri, MITI menyarankan supaya majikan mengeluarkan surat arahan bekerja mengikut templat seperti di **LAMPIRAN II**.

Adalah diingatkan bahawa **penyalahgunaan surat CIMS 3.0 MITI adalah satu kesalahan undang-undang**. Surat CIMS 3.0 MITI mempunyai kod QR yang boleh diimbas pihak PDRM bagi mengesahkan kesahihan surat.

9. **Adakah pekerja yang tinggal di dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dibenarkan keluar untuk bekerja di luar kawasan PKPD?**

Tidak dibenarkan.

10. **Apakah yang boleh saya lakukan sekiranya syarikat dalam sektor pembuatan tidak mematuhi SOP?**

Sekiranya majikan tidak mematuhi SOP yang ditetapkan, pekerja boleh membuat laporan segera kepada Kementerian Kesihatan Malaysia di [cprc@moh.gov.my](mailto:cprc@moh.gov.my) atau Kementerian Dalam Negeri (KDN) di [aduan.sop@moha@gov.my](mailto:aduan.sop@moha@gov.my) atau Kementerian Sumber Manusia melalui aplikasi *Working For Workers* (WFW).

Selain itu, laporan juga dibuat terus kepada pihak polis dan boleh diemel kepada [covid19aduan@miti.gov.my](mailto:covid19aduan@miti.gov.my) (hanya bagi syarikat sektor pembuatan).

11. **Sekiranya terdapat kes positif di tempat kerja dalam sektor pembuatan, apakah yang perlu dilakukan oleh majikan?**

Pertamanya, majikan **WAJIB** melaporkan kes positif serta kontak rapat kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) yang berhampiran selaras dengan SOP Am PPN yang dikeluarkan oleh MKN. Seterusnya, majikan perlu melaksanakan langkah kawalan mengikut tatacara yang digariskan dalam SOP Am PPN yang dikeluarkan oleh MKN. Perlu diingat keperluan penutupan premis adalah mengikut penilaian risiko oleh pihak PKD.

12. **Adakah permohonan masuk dan keluar dari Malaysia melalui Jawatankuasa Pusat Sehenti (OSC) untuk pekerja dalam sektor pembuatan diteruskan seperti biasa?**

Ya. Permohonan untuk memasuki Malaysia bagi Pelawat Perniagaan Jangka Pendek melalui Jawatankuasa OSC untuk tujuan perniagaan dibenarkan dalam tempoh NRP. Namun kebenaran rentas daerah atau negeri tertakluk kepada mendapat kebenaran daripada PDRM.

Syarikat juga disarankan untuk mendapatkan maklumat dari Portal Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk senarai larangan masuk dari beberapa negara berisiko tinggi dari semasa ke semasa.

**13. Apakah yang dimaksudkan meletakkan mesin/peralatan dalam mod siap siaga (*warm idle*)?**

Meletakkan mesin dalam mod siap siaga (*warm idle*) bermaksud menetapkan mesin/peralatan berkapasiti tinggi dalam suhu-suhu tertentu bagi memastikan mesin/peralatan di kilang tersebut boleh digunakan untuk jangka masa yang panjang.

Syarikat di bawah sektor pembuatan tertentu yang tidak tersenarai dalam Senarai Perkhidmatan Perlu (*essential services*) dibenarkan beroperasi dengan kapasiti pekerja dihadkan pada kadar 10% (bagi tempoh 24 jam) untuk tujuan meletakkan mesin/peralatan pengilangan dalam mod siap siaga.

Kegagalan untuk memastikan mesin dan peralatan tertentu dalam keadaan siap siaga tanpa sebarang pengawasan pekerja akan menyebabkan insiden yang tidak diingini berlaku seperti kerosakan pada mesin, kebakaran pada premis tersebut serta kejadian-kejadian lain seperti pencemaran yang boleh mencetuskan insiden yang tidak diingini kepada kawasan sekitar.

Tiada aktiviti pembuatan/pengeluaran dibenarkan bagi syarikat yang mendapat kelulusan meletakkan mesin/peralatan dalam mod siap siaga.

**14. Bagaimanakah pemakaian surat CIMS 3.0 MITI di bawah PPN mengikut fasa?**

Pemakaian surat CIMS 3.0 MITI adalah seperti berikut:

- a) Bagi kawasan-kawasan di bawah PPN Fasa 1: Pemakaian surat CIMS 3.0 MITI mengikut perenggan 4 (i) surat bagi sektor-sektor yang dibenarkan dengan kapasiti pekerja 60% ataupun 10% untuk mod siap-siaga;
- b) Bagi kawasan-kawasan di bawah PPN Fasa 2 dan 3: Pemakaian surat CIMS 3.0 MITI mengikut perenggan 4(ii) surat bagi sektor-sektor pembuatan yang dibenarkan dengan kapasiti pekerja 80%; dan

Semua surat kelulusan CIMS perlu dibaca bersama dengan SOP AM PPN yang diumumkan oleh MKN.

**BAHAGIAN 2: OPERASI SYARIKAT SEKTOR PEMBUATAN BERDASARKAN KADAR VAKSINASI PEKERJA**

**1. Apakah maksud vaksinasi lengkap bagi pekerja sektor pembuatan?**

Vaksinasi lengkap bermaksud individu yang telah menerima bilangan maksimum dos vaksinasi COVID-19 mengikut jenis vaksin.

**2. Adakah kadar pengoperasian Sektor Pembuatan mengikut kadar vaksinasi?**

Mulai 16 Ogos 2021, semua aktiviti pembuatan (termasuk yang tidak disenaraikan dalam sektor perkhidmatan perlu) boleh beroperasi pada kadar kapasiti pekerja yang mengikut kadar vaksinasi lengkap pekerja seperti berikut:

| <b>Kadar vaksinasi lengkap pekerja</b> | <b>Kadar pengoperasian<br/>(peratusan kapasiti pekerja)</b> |
|--|---|
| 80% - 100%                             | 100%  |
| 60%-79%                                | 80%   |
| 40%-59%                                | 60%   |

**3. Apakah kapasiti operasi syarikat yang dibenarkan bagi sektor pembuatan yang tersenarai dalam Senarai Perkhidmatan Perlu (*essential services*) jika syarikat tersebut tidak mencapai minima 40% kadar vaksinasi lengkap?**

**PPN Fasa 1:**

Syarikat sektor pembuatan yang tersenarai dalam Senarai Perkhidmatan Perlu (*essential services*) kekal dibenarkan beroperasi pada kapasiti pekerja 60% dalam PPN Fasa 1, walaupun syarikat tidak mencapai minima 40% kadar vaksinasi lengkap.

**PPN Fasa 2 dan Fasa 3:**

Syarikat sektor pembuatan yang tersenarai dalam Senarai Perkhidmatan Perlu (*essential services*) kekal dibenarkan beroperasi pada kapasiti pekerja 80% dalam PPN Fasa 2 dan Fasa 3 walaupun syarikat tidak mencapai kadar minima 40% vaksinasi lengkap.

**4. Adakah syarikat boleh membenarkan pekerja yang belum lengkap vaksinasi bekerja di kilang bagi memenuhi had kapasiti pekerja yang dibenarkan berdasarkan kadar vaksinasi lengkap sekurang-kurangnya 40%, 60% atau 80% pekerja?**

Ya, dibenarkan. Sebagai contoh, kadar vaksinasi lengkap pekerja bagi sesebuah syarikat ialah 40%. Syarikat ini layak beroperasi pada kadar kapasiti 60% keseluruhan pekerja. Syarikat ini boleh membenarkan tidak lebih daripada 20% keseluruhan pekerjanya terdiri daripada mereka yang masih belum lengkap divaksin, untuk mencukupkan jumlah pekerja mengikut had yang dibenarkan di dalam SOP (iaitu 60% keseluruhan pekerja) bagi menyokong operasi.

5. **Apakah kapasiti operasi yang dibenarkan apabila syarikat yang dibenarkan beroperasi secara *warm idle* pada kapasiti pekerja 10% dalam PPN Fasa 1 telah mencapai 60% kadar vaksinasi lengkap?**

Apabila syarikat yang dibenarkan beroperasi secara *warm idle* pada kapasiti pekerja 10% dalam PPN Fasa 1 telah mencapai 60% kadar vaksinasi lengkap, syarikat dibenarkan beroperasi pada 80% kapasiti pekerja dalam semua fasa PPN.

6. **Bagaimana kadar vaksinasi lengkap dikira?**

Kadar vaksinasi lengkap

$$= \frac{\text{Bil. pekerja yang telah melengkap vaksinasi}}{\text{Jumlah pekerja yang didaftarkan bawah syarikat}} \times 100\%$$

Contoh:

Syarikat ABC mempunyai jumlah pekerja seramai 1,000 orang, dan seramai 420 orang telah melengkap vaksinasi.

$$\text{Kadar vaksinasi lengkap Syarikat ABC} = \frac{420}{1,000} \times 100\% = 42\%$$

Dengan kadar vaksinasi lengkap 42%, Syarikat ABC dibenarkan beroperasi pada 60% kapasiti pekerja di semua fasa PPN.

7. **Bagi kumpulan syarikat yang mempunyai banyak anak syarikat, adakah pendekatan pengiraan kadar vaksinasi lengkap mengambilkira jumlah pekerja yang didaftar di bawah kumpulan syarikat tersebut?**

Pengiraan kadar vaksinasi lengkap perlu dikira secara berasingan bagi setiap anak syarikat di bawah kumpulan syarikat kerana anak syarikat berdaftar secara berasingan di bawah SSM (Suruhanjaya Syarikat Malaysia).

8. **Bagi tujuan pengiraan kadar pekerja sektor pembuatan yang lengkap divaksinasi, adakah wajib tunggu sehingga tamat 14 hari dari tarikh vaksinasi COVID-19 kedua?**

Tidak wajib.

9. **Adakah syarikat perlu memastikan setiap pekerja yang telah menerima vaksin lengkap telah dikemaskini dalam aplikasi MySejahtera masing-masing?**

Pekerja yang telah menerima vaksin lengkap akan diberikan sijil digital vaksinasi COVID-19 (*digital certificate COVID-19 vaccination*) melalui aplikasi MySejahtera. Oleh yang demikian, syarikat adalah bertanggungjawab untuk

memastikan rekod vaksinasi yang diisytiharkan dalam sistem CIMS adalah selaras dengan sijil digital vaksinasi COVID-19 (*digital certificate COVID-19*)

*vaccination*) dalam aplikasi MySejahtera bagi setiap pekerja. Sekiranya pemeriksaan oleh pasukan penguatkuasaan mendapati rekod vaksinasi dalam sistem CIMS adalah berbeza dengan sijil digital vaksinasi COVID-19 (*digital certificate COVID-19 vaccination*) dalam aplikasi MySejahtera bagi pekerja yang terlibat, maka tindakan penguatkuasaan samada kompaun/arahan tutup premis akan dikenakan.

**10. Adakah kesemua pekerja perlu melaksanakan Ujian RTK Antigen?**

Syarikat adalah diwajibkan untuk melaksanakan Ujian RTK Antigen sepertimana yang diluluskan Kementerian Kesihatan Malaysia melalui kaedah ujian sendiri atau di fasiliti kesihatan sekali setiap dua minggu bagi pekerja yang hadir ke premis sebagai langkah proaktif untuk mengekang penularan COVID-19 di kalangan pekerja. Namun bagi pekerja WFH sepenuhnya, Ujian RTK Antigen adalah tidak diperlukan selagi pekerja tersebut tidak hadir ke premis syarikat.

**11. Adakah pekerja yang telah mendapat vaksinasi lengkap namun masih belum menerima sijil digital vaksinasi COVID-19 melalui aplikasi MySejahtera boleh menggunakan kad fizikal vaksinasi dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)?**

Pekerja syarikat yang telah menerima vaksinasi lengkap boleh menggunakan kad fizikal vaksinasi yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) buat sementara waktu sehingga aplikasi MySejahtera dikemaskini, sebagai bukti penerimaan vaksin untuk **tujuan bekerja bagi sektor pembuatan.**

### **BAHAGIAN 3: ARAHAN BEKERJA DARI RUMAH (BDR)**

**1. Apakah yang dimaksudkan dengan amalan BDR?**

Amalan BDR merujuk kepada pelaksanaan tugas pejabat di rumah masing-masing mengikut tatacara/garis panduan yang ditetapkan oleh majikan mengikut keperluan syarikat masing-masing.

**2. Adakah amalan BDR wajib bagi semua pekerja Sektor Pembuatan?**

Amalan BDR adalah wajib mengikut kategori PPN berikut:

**a) PPN FASA 1:**

BDR bagi 40% kakitangan syarikat (melibatkan keseluruhan warga kerja). Pihak majikan wajib melaksanakan amalan BDR yang melibatkan keseluruhan warga syarikat termasuk golongan pengurusan dan bukan pengurusan. Kehadiran pekerja secara fizikal di tempat kerja/premis



**dihadkan** kepada **60% daripada jumlah bilangan pekerja syarikat** tersebut dalam tempoh **24 jam (24-hour basis)**.

Kehadiran pekerja sebanyak 60% tersebut merangkumi kakitangan pejabat termasuklah kakitangan operasi dan sokongan (*contract for service*) mengikut kesesuaian yang ditentukan oleh majikan atau pemilik syarikat.

Syarikat juga boleh melakukan **penggiliran kerja dengan syarat tidak melebihi 60% kapasiti pekerja**.

Antara **contoh-contoh senario semasa PPN FASA 1** bagi kapasiti kehadiran adalah seperti berikut:

| SENARIO   | KEADAAN BIASA   |             |       | SEMASA PPN FASA 1 |             |       |
|-----------|-----------------|-------------|-------|-------------------|-------------|-------|
|           | Pagi            | Tengah Hari | Malam | Pagi              | Tengah Hari | Malam |
| Senario 1 | 400             | 400         | 400   | 240               | 240         | 240   |
| Jumlah    | 1,200<br>(100%) |             |       | 720<br>(60%)      |             |       |
| Senario 2 | 300             | 600         | 300   | 180               | 360         | 180   |
| Jumlah    | 1,200<br>(100%) |             |       | 720<br>(60%)      |             |       |
| Senario 3 | 600             | 600         | 0     | 360               | 360         | 0     |
| Jumlah    | 1,200<br>(100%) |             |       | 720<br>(60%)      |             |       |
| Senario 4 | 600             | 600         | 0     | 720 (1 waktu)     |             |       |
| Jumlah    | 1,200<br>(100%) |             |       | 720<br>(60%)      |             |       |

**b) PPN FASA 2 dan 3:**

BDR bagi 20% kakitangan syarikat (melibatkan keseluruhan warga kerja). Pihak majikan wajib melaksanakan amalan BDR yang melibatkan keseluruhan warga syarikat termasuk golongan pengurusan dan bukan pengurusan. Kehadiran pekerja secara fizikal di tempat kerja/premis **dihadkan** kepada **80% daripada jumlah bilangan pekerja syarikat** tersebut dalam tempoh **24 jam (24-hour basis)**.

Kehadiran pekerja sebanyak 80% tersebut merangkumi kakitangan pejabat serta kakitangan operasi dan sokongan (*contract for service*) mengikut kesesuaian yang ditentukan oleh majikan atau pemilik syarikat.

Syarikat juga boleh melakukan **penggiliran kerja dengan syarat tidak**

melebihi 80% kapasiti pekerja.

Antara contoh-contoh senario semasa PPN FASA 2 DAN 3 bagi kapasiti kehadiran adalah seperti berikut:

| SENARIO   | KEADAAN BIASA   |             |       | SEMASA PPN FASA 2 DAN 3 |             |       |
|-----------|-----------------|-------------|-------|-------------------------|-------------|-------|
|           | Pagi            | Tengah Hari | Malam | Pagi                    | Tengah Hari | Malam |
| Senario 1 | 400             | 400         | 400   | 320                     | 320         | 320   |
| Jumlah    | 1,200<br>(100%) |             |       | 960<br>(80%)            |             |       |
| Senario 2 | 300             | 600         | 300   | 240                     | 480         | 240   |
| Jumlah    | 1,200<br>(100%) |             |       | 960<br>(80%)            |             |       |
| Senario 3 | 600             | 600         | 0     | 480                     | 480         | 0     |
| Jumlah    | 1,200<br>(100%) |             |       | 960<br>(80%)            |             |       |
| Senario 4 | 600             | 600         | 0     | 960 (1 waktu)           |             |       |
| Jumlah    | 1,200<br>(100%) |             |       | 960<br>(80%)            |             |       |

**3. Apakah tindakan yang majikan perlu ambil sekiranya pekerja tidak mahu datang bekerja dan mahu BDR?**

Majikan disaran untuk berbincang dengan pekerja untuk mencapai kata sepakat. Sebaiknya majikan beri keyakinan bahawa persekitaran tempat kerja adalah selamat. Jika perbincangan sudah dijalankan dan pekerja masih mahu BDR maka majikan boleh mengambil tindakan mengikut budi bicara dan tatacara syarikat berdasarkan dasar Kerajaan dan Akta yang berkaitan. Untuk sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini, sila rujuk kepada Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia.

**4. Apakah dokumen yang perlu dibawa oleh pekerja Sektor Pembuatan sebagai pengesahan kebenaran bertugas?**

Pekerja syarikat Sektor Pembuatan adalah wajib membawa bersama sesalinan surat pengesahan pendaftaran CIMS 3.0 MITI yang terkini dan pas pekerja ATAU surat pengesahan majikan bagi tujuan pergerakan antara kediaman dan tempat kerja.

**5. Adakah sebarang jenis penguatkuasaan akan dijalankan untuk memastikan arahan bekerja dari rumah dipatuhi?**

Ya. Penguatkuasaan dijalankan dengan kerap oleh Pasukan Petugas Khas COVID-19 bagi memastikan arahan BDR dipatuhi oleh pihak syarikat.

6. Adakah terdapat sebarang tindakan yang akan dikenakan bagi syarikat yang tidak mematuhi SOP?

Operasi syarikat akan ditutup secara automatik untuk **sepanjang tempoh PPN Fasa Berkenaan** sekiranya didapati dengan sengaja memalsukan butiran aktiviti syarikat untuk tujuan mendapat kelulusan; atau secara automatik ditutup selama tujuh (7) hari serta **dikompaun sehingga RM50,000.00** sekiranya didapati mengingkari arahan kapasiti **60% tenaga kerja bagi PPN Fasa 1** dan **80% tenaga kerja bagi PPN Fasa 2 dan 3** yang dibenarkan ke premis.

#### BAHAGIAN 4: PENDAFTARAN DI COVID-19 INTELLIGENT MANAGEMENT SYSTEM (CIMS) 3.0

1. Perlukah saya memohon kebenaran untuk beroperasi daripada MITI melalui sistem pangkalan data CIMS sepanjang PPN?

Syarikat di bawah Sektor Pembuatan **WAJIB** memohon surat kelulusan MITI melalui sistem COVID-19 *Intelligent Management System* (CIMS) 3.0 melalui pautan <https://notification.miti.gov.my>. Bagi syarikat sudah berdaftar di CIMS, syarikat hanya perlu memuat turun surat kelulusan daripada CIMS 3.0 MITI. Bagi pendaftaran baharu, syarikat boleh mendapatkan maklumat tatacara pendaftaran di [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my).

**Panduan Memuat Turun Surat Kebenaran MITI di CIMS 3.0**

Log masuk ke <https://notification.miti.gov.my>

- 1 Klik "Borang Notifikasi"
- 2 Klik "Notifikasi Beroperasi"
- 3 Klik "Papar"
- 4 Klik "Cetak Surat"

The screenshot shows a dashboard with the following elements:

- Dashboard menu
- Profil Pemohon
- Borang Notifikasi dropdown menu
- Radio buttons for "Laporan Harian Pematuhan SOP" and "Notifikasi Beroperasi" (highlighted with a red box and arrow).
- Buttons for "Kemaskini" (highlighted with a red box and arrow) and "Papar" (highlighted with a red box and arrow).
- Buttons for "Surat Pengesahan / Confirmation Letter" and "Cetak Surat / Print Letter" (highlighted with a red box and arrow).

**2. Bagaimana saya boleh membuat pendaftaran di CIMS?**

Anda boleh ke pautan <https://notification.miti.gov.my> untuk membuat pendaftaran dan ikut arahan dari laman ke laman. Jangan letak 'www' di URL pendaftaran ini. Untuk tutorial pendaftaran anda boleh menggunakan pautan ini: <https://www.youtube.com/watch?v=CGwClak7xs8&t=212s>.

**3. Syarikat saya sudah berdaftar di CIMS. Perlukah saya membuat pengisytiharan kadar vaksinasi pekerja saya di CIMS jika ingin beroperasi tanpa mengikut fasa di bawah PPN?**

Ya perlu, dan ini adalah wajib bagi syarikat sektor pembuatan. Syarikat perlu membuat pengisytiharan kadar vaksinasi lengkap pekerja yang sebenar di sistem CIMS. Selepas pengisytiharan, syarikat boleh secara terus memuat turun surat kelulusan beroperasi yang baharu.

**4. Perlukah saya mengemaskini senarai pekerja yang pernah diisytiharkan sebelum ini di dalam CIMS?**

Ya perlu. Syarikat perlu mengemaskini sekiranya terdapat perubahan senarai pekerja melalui CIMS menggunakan templat yang disediakan di dalam sistem CIMS. Bagi pengoperasian berdasarkan kadar vaksinasi pekerja, syarikat perlu memuatnaik maklumat senarai pekerja yang telah lengkap divaksin.

**5. Saya menghadapi masalah teknikal dalam mengakses CIMS. Apakah yang harus saya lakukan?**

Sekiranya anda menghadapi masalah teknikal dalam mengakses CIMS, mohon emel kepada [cims@marii.my](mailto:cims@marii.my).

***Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan pelaksanaan PPN bagi Sektor Pembuatan di bawah kawal selia MITI boleh diajukan kepada:***

***Hotline : 03-6208 4949***

***Emel : [covid19hotline@miti.gov.my](mailto:covid19hotline@miti.gov.my)  
(pertanyaan am)***

***[covid19aduan@miti.gov.my](mailto:covid19aduan@miti.gov.my)  
(aduan ketidakpatuhan SOP)***

***[cims@marii.my](mailto:cims@marii.my)  
(isu teknikal CIMS)***

*Bagi pertanyaan lanjut mengenai sektor-sektor di bawah kawal selia Kementerian/Agensi yang lain, sila rujuk kepada maklumat direktori di pautan berikut: <https://www.miti.gov.my/redirect/pkp/enquiry.html>.*

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)  
22 SEPTEMBER 2021**

**SENARAI PERKHIDMATAN PERLU DI BAWAH SEKTOR PEMBUATAN DAN  
PENGILANGAN YANG DIBENARKAN BEROPERASI SEPANJANG FASA 1,  
FASA 2 DAN FASA 3 DI BAWAH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)**

---

**PELAN PEMULIHAN NEGARA SOP FASA 1: SEKTOR PEMBUATAN (KAPASITI  
60% PEKERJA) YANG DIKATEGORIKAN SEBAGAI PERKHIDMATAN PERLU  
ADALAH SEPERTI BERIKUT (BERKUATKUASA 9 JULAI 2021):**

1. Aeroangkasa (komponen dan *maintenance, repair and overhaul* – MRO)
2. Makanan dan minuman
3. Bahan pembungkusan dan percetakan hanya berkaitan bahan makanan dan kesihatan
4. Barang-barang penjagaan diri, dan bahan pencuci
5. Keluaran penjagaan kesihatan dan perubatan
6. Barang penjagaan diri, peralatan perlindungan diri (PPE) termasuk sarung tangan getah dan peralatan keselamatan kebakaran
7. Komponen bagi peranti perubatan
8. Elektrikal dan elektronik (kepentingan rantaian ekonomi global)
9. Minyak dan gas (*Oil and Gas*) termasuk petrokimia dan produk petrokimia
10. Mesin dan peralatan hanya berkaitan kesihatan dan makanan sahaja
11. Tekstil untuk pengeluaran PPE sahaja
12. Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan dan pengagihan bahan api dan pelincir

**Siap siaga (*warm idle*) (10% pekerja):**

13. Automotif (kenderaan dan komponen)
14. Besi dan Keluli
15. Simen
16. Gelas
17. Seramik

**PELAN PEMULIHAN NEGARA SOP FASA 2: SEKTOR PEMBUATAN (KAPASITI 80% PEKERJA) YANG DIKATEGORIKAN SEBAGAI PERKHIDMATAN PERLU ADALAH SEPERTI BERIKUT (BERKUATKUASA 9 JULAI 2021):**

1. Aeroangkasa (komponen dan *maintenance, repair and overhaul* – MRO)
2. Makanan dan minuman
3. Bahan pembungkusan dan percetakan hanya berkaitan bahan makanan dan kesihatan
4. Barang-barang penjagaan diri, dan bahan pencuci
5. Keluaran penjagaan kesihatan dan perubatan
6. Barang penjagaan diri, peralatan perlindungan diri (PPE) termasuk sarung tangan getah dan peralatan keselamatan kebakaran
7. Komponen bagi peranti perubatan
8. Elektrikal dan elektronik (kepentingan rantaian ekonomi global)
9. Minyak dan gas (*Oil and Gas*) termasuk petrokimia dan produk petrokimia
10. Mesin dan peralatan
11. Tekstil untuk pengeluaran PPE sahaja
12. Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan dan pengagihan bahan api dan pelincir
13. Automotif (kenderaan dan komponon)
14. Seramik
15. Simen
16. Getah
17. Besi dan keluli
18. Kilang perabot bagi tujuan eksport

**PELAN PEMULIHAN NEGARA SOP FASA 3: SEKTOR PEMBUATAN (KAPASITI 80% PEKERJA) YANG DIKATEGORIKAN SEBAGAI PERKHIDMATAN PERLU ADALAH SEPERTI BERIKUT (BERKUATKUASA 9 JULAI 2021):**

Semua sub-sektor pembuatan dibenarkan beroperasi.



**-LETTERHEAD SYARIKAT-**

Rujukan:

Tarikh :

Nama : xxxx  
No. K/P : xxxx  
Jawatan : xxxx  
Alamat : xxxx

**KEPADA YANG BERKENAAN,**

Tuan/Puan,

**SURAT PENGESAHAN MAJIKAN UNTUK BERTUGAS SEMASA TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)**

-----  
-----

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Seperti tuan/puan sedia maklum, Syarikat ..... adalah dibenarkan beroperasi semasa tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang bermula dari .... hingga .....

3. Sehubungan dengan itu, **pembawa surat ini seperti butiran diatas adalah pekerja kepada Syarikat ..... dan akan akan bergerak dari alamat kediaman beliau seperti diatas ke pejabat / kawasan sekitar seperti yang dinyatakan di Lampiran (nyatakan alamat yang akan dikunjungi oleh pekerja di lampiran) sepanjang tempoh PPN ini.**

4. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak tuan bolehlah berhubung dengan pegawai syarikat ..... (NAMA), NO H/P: ..... Pembawa surat ini dan Syarikat akan bertanggungjawab sepenuhnya jika didapati pembawa surat ini menyalahgunakan surat bagi tujuan peribadi. Perhatian dan kerjasama tuan/puan dalam perkara ini adalah sangat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

**(NAMA MAJIKAN)**